

SURAH PERHIASAN



Surah: 43 Juzuk: 25 Bil. Ayat: 89

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.

1. Haa, Miim.
2. Demi Kitab (al-Quran) yang jelas.
3. Sesungguhnya Kami jadikannya sebagai al- Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab, semoga kamu memahaminya.
4. Dan sesungguhnya al-Quran itu berada dalam Ummul Kitab (Lauh Mahfuz)⁽¹⁾ di sisi Kami, amat tinggi (kemuliaannya) lagi amat banyak mengandungi hikmah.
5. Maka apakah Kami akan berhenti menurunkan al-Quran (sebagai peringatan) kepada kamu kerana kamu adalah kaum yang melampaui batas?
6. Dan betapa banyak para nabi yang Kami telah utuskan kepada umat yang terdahulu.
7. Tiada seorang nabi pun yang datang kepada mereka, kecuali mereka mempersendakannya.
8. Maka Kami binaskan orang yang paling hebat kekuatannya

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

١ حَمْ
وَالْكَيْتَبِ الْمُبِينِ
إِنَّا جَعَلْنَاهُ فُرْقَةً نَّا عَرَيْتَ الْعَلَامَةَ
تَعْقِلُونَ ٢

وَإِنَّهُ وَفِي الْكِتَابِ لَدِينَ النَّعْلَىٰ
حَكِيمٌ ٣

أَفَضَرْتُ عَنْكُمُ الْأَكْرَصَفَحَانَ
كُنْتُرْ قَوْمًا مُسْرِفِينَ ٤

وَكَوْ أَزْسَلْنَا مِنْ نَّبِيٍّ فِي الْأَوَّلِينَ ٥

وَمَا يَأْتِيهِمْ مِنْ نَّبِيٍّ إِلَّا كَافُؤُلَهُ
يَشْتَهِيْهُونَ ٦

فَاهْكَمْنَا آسَدَ مِنْهُمْ بَطْشًا وَمَصْنَعِيْ

1 Lauh Mahfuz ialah kitab yang terpelihara daripada penambahan, pengurangan, penyelewengan dan perubahan. (Ibn Kathir 4: 212). Ia mengandungi suratan taqdir manusia.

مَثْلُ الْأَوْلَىٰ ﴿٨﴾

daripada mereka. Perumpamaan umat-umat terdahulu telah pun disebut berulang kali (di dalam al-Quran).

9. Sesungguhnya jika engkau (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: «Siapakah yang menciptakan langit dan bumi?» Pasti mereka akan menjawab: «Yang menciptakannya ialah Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Mengetahui».
10. (Dialah Tuhan) yang telah menjadikan bumi bagi kamu sebagai hamparan, dan Dia telah mengadakan bagi kamu jalan-jalan di bumi, semoga kamu mendapat hidayah.
11. Dan (Dialah) yang menurunkan hujan dari langit dengan kadar yang tertentu, lalu Kami hidupkan dengan hujan itu negeri yang mati (tandus). Demikianlah kamu akan dikeluarkan (dari kubur).
12. Dan (Dialah) yang menciptakan semua berpasang-pasangan, dan Dia menjadikan untuk kamu kapal-kapal dan binatang-binatang ternakan untuk kamu tunggangi.
13. Supaya kamu duduk di atasnya, kemudian kamu mengingati nikmat Tuhan apabila kamu menaikinya, serta kamu (bersyukur dengan)

وَلَيْسَ سَائِنُهُم مَّنْ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ
لَيَقُولُنَّ خَلَقُهُنَّ الْعَزِيزُ الْعَلِيمُ ﴿٩﴾

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ مَهْدًا وَجَعَلَ
لَكُمْ فِيهَا سُبُلًا لَعَلَّكُمْ تَهتَدُونَ ﴿١٠﴾

وَالَّذِي تَرَكَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً بِقَدَرِ
فَأَنْشَرَ نَارَهُ بِلَدَةً مَيْتَانًا كَذَلِكَ مُخْبِرُونَ ﴿١١﴾

وَالَّذِي خَلَقَ الْأَرْوَاحَ كُلَّهَا وَجَعَلَ لَكُمْ
مِّنَ الْفَلَكِ وَالْأَنْعِمَّ مَا تَرَكُونَ ﴿١٢﴾

لِتَسْتَوُا عَلَىٰ ظُهُورِهِ فَرَأَيْتُكُمْ رَافِعِينَ
إِذَا أَسْتَوْتُمْ عَيْنَهُ وَتَنْهُوا سُبْحَنَ اللَّهِ
سَخَرْتُكُمْ أَهْذَا وَمَا كُنْتُ أَنَا لَهُ مُقْرِبٌ ﴿١٣﴾

mengucapkan: «Maha Suci Tuhan yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami, sedangkan kami sebelum ini tidak mampu menguasainya».

- 14.** «Dan sesungguhnya kepada Tuhan kamilah, kami akan kembali».
- 15.** Mereka menjadikan sebahagian daripada hamba-hambaNya sebagai anak bagiNya⁽¹⁾. Sesungguhnya manusia yang demikian benar-benar kafir yang nyata.
- 16.** Patukkah Dia mengambil anak perempuan daripada yang diciptakanNya dan memberikan anak lelaki kepada kamu?
- 17.** Dan apabila disampaikan berita gembira kepada salah seorang daripada mereka dengan (kelahiran anak perempuan) yang dijadikannya perumpamaan dengan Allah Yang Maha Pemurah, wajahnya menjadi muram (kerana bersedih), dan dia menahan perasaan marah dalam hati.⁽²⁾
- 18.** Wajarkah (dijadikan anak Allah itu, perempuan) yang biasanya dididik dan dibesarkan dalam

وَلَمَّا أَتَى رَبَّنَا الْمُنْقَلِبُونَ ١٤

وَجَعَلُوا لَهُ مِنْ عِبَادِهِ جُنُاحَ إِنَّ الْإِنْسَنَ
لَكَفُورٌ بَيْنَ ١٥

أَمْ اخْتَدَ مِمَّا يَخْلُقُ بَنَاتٍ وَأَصْفَنَكُمْ
بِالْبَيْنَ ١٦

وَلِذَا لَشَرَّ أَحَدُهُمْ بِمَا صَرَّبَ لِلرَّحْمَنِ مَثَلًا
ظَلَّ وَجْهُهُ مُسَوَّدًا وَهُوَ كَظِيمٌ ١٧

أَوْ مَنْ يُشَوِّفُ فِي الْحَلْيَةِ وَهُوَ فِي الْخَصَامِ
غَيْرُ مُبِينٍ ١٨

1 Orang musyrikin mengatakan bahawa malaikat-malaikat itu adalah anak-anak perempuan Allah, sedangkan malaikat itu sebahagian daripada makhluk dan ciptaanNya.
 2 Bilamana seseorang itu dikhabarkan tentang kelahiran anaknya yang perempuan, wajahnya menjadi merah padam kerana malu, sedangkan dia sendiri mengatakan Allah mempunyai anak perempuan.

perhiasan, sedangkan dia semasa bertelingkah tidak dapat memberikan bukti yang jelas? ⁽¹⁾

19. Dan mereka juga menjadikan para malaikat, hamba-hamba (Allah) Yang Maha Pemurah itu daripada jenis perempuan. Apakah mereka menyaksikan penciptaan (para malaikat itu)? Kelak akan dituliskan kesaksian mereka dan mereka akan diminta untuk bertanggungjawab.
20. Mereka berkata: «Jika Allah Yang Maha Pemurah itu menghendaki tentulah kami tidak menyembah malaikat itu». (Sebenarnya) mereka tidak mempunyai sebarang ilmu pun tentang kata-kata mereka (yang demikian), mereka hanyalah orang yang berdusta.
21. Pernahkah Kami memberikan mereka sebelum al-Quran ini sebuah kitab (yang membenarkan dakwaan mereka), lalu mereka berpegang teguh dengannya?
22. Bahkan mereka berkata: «Sesungguhnya kami telah mendapati nenek moyang kami berpegang pada satu agama, dan sesungguhnya kami mendapat petunjuk untuk mengikuti jejak mereka».

⁽¹⁾ Ayat ini menggambarkan kelemahan wanita dalam pertengkarannya, lalu bagaimana mungkin ia dijadikan anak Allah Yang Maha Sempurna?

وَجَعَلُوا الْمَلَائِكَةَ الَّذِينَ هُمْ عَبْدُ الرَّحْمَنِ
إِنَّهُمْ أَشَهُدُوا حَلَفَهُمْ سَتُكْتَبُ
شَهَدَنَّهُمْ وَيُسْكَنُونَ ﴿١٩﴾

وَقَالُوا لَوْ شَاءَ الرَّحْمَنُ مَا عَبَدَنَّهُمْ فَمَا لَهُمْ
بِذَلِكَ مِنْ عِلْمٍ إِنَّهُمْ لَا يَخْرُصُونَ ﴿٢٠﴾

أَمْ كَانُوا يَتَّبِعُونَ قَبْرَهُمْ فَهُمْ بِهِ
مُسْتَمْسِكُونَ ﴿٢١﴾

بَلْ قَالُوا إِنَّا وَجَدْنَا آبَاءَنَا عَلَى أُمَّةٍ
وَإِنَّا عَلَىٰ آثَارِهِمْ مُهَدِّدُونَ ﴿٢٢﴾

- 23.** Demikianlah Kami tidak mengutus sebelummu (wahai Muhammad) kepada sesebuah negeri, seorang rasul pemberi peringatan, melainkan orang yang berada dalam kemewahan di negeri itu berkata: «Sesungguhnya kami dapti nenek moyang kami berpegang pada satu agama, dan sesungguhnya kami hanya mengikuti jejak mereka».
- 24.** Rasul itu berkata: «Adakah (kamu akan mengikut mereka) walaupun aku membawa kepada kamu agama yang lebih baik daripada agama nenek moyang kamu?» Mereka menjawab: «Sesungguhnya kami mengingkari apa yang kamu diperintahkan untuk menyampaikannya».
- 25.** Maka Kami balas kekufturan mereka dengan azab yang membinasakan. Maka perhatikanlah bagaimana kesudahan orang yang mendustakan para rasulnya.
- 26.** Dan ketika Ibrahim berkata kepada bapanya dan kaumnya: «Sesungguhnya aku berlepas diri daripada apa yang kamu sembah».
- 27.** «Kecuali (kamu menyembah) Dia yang menciptakan aku, kerana sesungguhnya Dia akan memberi hidayah kepadaku». ⁽¹⁾

وَكَذَلِكَ مَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ فِي قَرَبَةِ مَنْ يَتَّبِعُ
إِلَّا قَلْ مُتَرْهِفُهَا إِنَّا وَجَدْنَا مَمَّا عَلَىٰ أُمَّةَ
وَلَيَّنَ عَلَىٰ إِنَّ رَبَّهُمْ مُفْتَدِرُونَ ﴿٤٣﴾

* قَلْ أَوْلَوْ جِئْنُكُمْ بِأَهْدَى مِمَّا وَجَدْتُمْ
عَلَيْهِ إِنَّمَا كُمْ قَلْفُوا إِنَّا بِمَا أَرْسَلْنَا مَعَهُ
كَفَرُونَ ﴿٤٤﴾

فَانْسَفَمَا مَهْمَمْ فَانْظُرْ كِيفَ كَانَ عِقَبَةُ
الْمُكَذِّبِينَ ﴿٤٥﴾

وَلَادْقَالِ إِبْرَاهِيمَ لِأَيِّهِ وَقَوْمَهُ إِنَّمَا
تَعْبُدُونَ ﴿٤٦﴾

إِلَّا الَّذِي فَطَرَنِي فَإِنَّهُ سَيِّدِنِينَ ﴿٤٧﴾

1 Nabi Ibrahim a.s tidak menyembah berhala-berhala yang disembah kaumnya.

- 28.** Dan Ibrahim menjadikan kalimah tauhid itu kekal pada keturunannya, supaya mereka kembali.⁽¹⁾
- 29.** Bahkan Aku memberikan mereka dan nenek moyang mereka menikmati kesenangan hidup, sehingga datang kepada mereka kebenaran (al-Quran), dan seorang Rasul yang memberi penjelasan.⁽²⁾
- 30.** Dan ketika kebenaran (al-Quran) itu sampai kepada mereka, mereka berkata: «Sesungguhnya ini adalah sihir, dan sesungguhnya kami tetap mengingkarinya».
- 31.** Dan mereka berkata: «Kenapa al-Quran ini tidak diturunkan kepada seorang besar (yang kaya dan berpengaruh) dari salah sebuah dua negeri (Mekah dan Taif) itu?»⁽³⁾
- 32.** Apakah mereka yang membahagi-bahagikan rahmat Tuhanmu? Kamilah yang menentukan segala keperluan hidup mereka dalam kehidupan dunia, dan Kami telah

وَجَعَلَهَا كَلِمَةً بَاقِيَةً فِي عَقْبِهِ لَعَلَّهُمْ يَرَجِعُونَ

وَرَسُولُ مُّذِينٍ

بَلْ مَتَّعْتُهُمْ لَعَلَّهُمْ يَأْتِيَنَّهُمْ حُكْمُ الْحَوْلِ
وَرَسُولُ مُّذِينٍ

وَلَمَّا جَاءَهُمْ الْحُقْقُ قَالُوا هَذَا إِسْحَارٌ وَإِنَّا يَدْعُونَ
كُفَّارُونَ

وَقَالُوا لَوْلَا نُرِزَّلَ هَذَا الْقُرْآنُ عَلَى رَجُلٍ مِّنْ
الْقَرِيبَيْنِ عَظِيمٍ

أَهُمْ يَقْسِمُونَ رَحْمَتَ رَبِّكَ مَنْحُ فَسَمَّا بِيَنَّهُمْ
مَعِيشَتَهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَرَفَعَ بَعْضَهُمْ
فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لَيَسْتَخِذَ بَعْضُهُمْ بَعْضًا
سُخْرِيًّا وَرَحْمَتُ رَبِّكَ خَيْرٌ مِمَّا يَجْمَعُونَ

- Ibrahim a.s menjadikan kalimah tauhid sebagai pegangan bagi keturunannya sehingga jika terdapat di kalangan mereka yang menyekutukan Allah, mereka kembali kepada tauhid itu.
- Sebahagian keturunan Ibrahim a.s ada yang melupakan kalimah tauhid. Allah tidak mengazab mereka, tetapi memberikan kenikmatan yang patut mereka syukuri. Mereka tidak bersyukur, bahkan menurut keinginannya. Oleh itu Allah menurunkan al-Quran dan mengutus seorang Rasul untuk membimbangi mereka.
- Mereka mengingkari wahyu dan kenabian Muhammad s.a.w kerana menurut mereka, seseorang yang diutus menjadi rasul hendaklah seorang yang kaya dan berpengaruh.

meninggikan darjah sebahagian daripada mereka agar sebahagian mereka dapat memanfaatkan sebahagian yang lain. Dan rahmat Tuhanmu lebih baik daripada apa yang mereka kumpulkan.

- 33.** Dan jika bukan kerana menghindarkan manusia menjadi umat yang satu (dalam kekafiran), pasti Kami telah buatkan bagi orang yang kafir kepada (Allah) Yang Maha Pemurah, bumbung-bumbung mereka daripada perak, begitu juga tangga-tangga yang mereka naiki (daripada perak).
- 34.** Dan pintu-pintu rumah mereka (daripada perak juga), dan katil-katil yang mereka berbaring di atasnya (juga daripada perak).
- 35.** Serta pelbagai barang perhiasan (keemasan). (Ingatlah), segala yang tersebut itu tidak lain hanyalah merupakan kesenangan hidup di dunia, dan kesenangan hari akhirat di sisi Tuhanmu adalah khusus bagi orang yang bertakwa.
- 36.** Dan sesiapa yang tidak mengendahkan pengajaran (al-Quran oleh Allah) Yang Maha Pemurah, Kami akan biarkan syaitan (menghasut dan menyesatkannya), lalu syaitan itu menjadi temannya yang paling rapat.

وَلَوْلَا أَن يَكُونَ النَّاسُ أُمَّةً وَحِدَةً لَجَعَنَا
لِمَن يَكْفُرُ بِالْحَمْنَ لِيُبُوْتَهُمْ سُفَّارَانِ
فِضَّةً وَمَعَارِجَ عَلَيْهَا يَظَاهِرُونَ ﴿٢٣﴾

وَلِبُوْتَهُمْ أَبُوْنَا وَسُرُّا عَلَيْهَا يَشَكُورُونَ ﴿٢٤﴾

وَزَخْرُفَوْا إِن كُلُّ ذَلِكَ لَمَاتَمَّنَ الْحَيَاةَ
الْدُّنْيَا وَالْآخِرَةُ عِنْدَ رَبِّكَ لِلْمَقْنِينَ ﴿٢٥﴾

وَمَن يَعْشُ عَن ذِكْرِ الرَّحْمَنِ فَقَبِضَ لَهُ
شَيْطَانًا فَهُوَ أَهْ وَقَرِينٌ ﴿٢٦﴾

- 37.** Sesungguhnya syaitan itu tetap menghalangi mereka daripada jalan yang benar, sedangkan mereka menyangka bahawa mereka orang yang mendapat hidayah.
- 38.** Sehingga apabila dia datang kepada Kami (pada hari kiamat), berkatalah dia (kepada syaitannya): «Alangkah baiknya jika jarak antara aku dengan engkau sejauh timur dengan barat! Kerana engkau adalah teman yang paling jahat».
- 39.** «Pada hari ini, setelah nyata bahawa kamu telah menzalimi diri sendiri, (maka apa yang kamu cita-citakan itu) tidak sama sekali akan memberi faedah kepada kamu, kerana sesungguhnya kamu dan teman kamu itu tetap menderita bersama-sama di dalam azab».
- 40.** Maka adakah engkau (wahai Muhammad) mampu menjadikan orang yang pekak itu mendengar, atau menunjukkan jalan kepada orang yang buta (mata hatinya), dan juga orang yang berada dalam kesesatan yang nyata?
- 41.** Sesungguhnya jika Kami wafatkan engkau (sebelum Kami perlihatkan kepadamu azab yang akan menimpa mereka), maka sesungguhnya Kami tetap akan menyeksa mereka.

وَإِنَّهُمْ لِيَصْدُرُونَهُمْ عَنِ الْسَّبِيلِ وَيَحْسَبُونَ
أَنَّهُمْ مُهْتَدُونَ ﴿٢٧﴾

حَتَّىٰ إِذَا جَاءُهُمْ نَاقَلَ يَكْلِمَتَ يَتِينِي وَبَيْنَكَ
بَعْدَ أُمَّشْرِقِينَ فِي نَسْأَلَ الْقَرَبِينَ ﴿٢٨﴾

وَلَنْ يَنْفَعَكُمُ الْيَوْمَ إِذَ طَمَثْمَثُكُمْ فِي
الْعَدَابِ مُسْتَرِكُونَ ﴿٢٩﴾

أَفَأَنْتَ تُسْمِعُ الصُّمَّاً وَأَنْهِي الْعُمَىٰ وَمَنْ
كَانَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٌ ﴿٣٠﴾

فَإِمَّا نَذَهَنَّ بِكَ فَإِنَّ مِنْهُمْ مُنْتَقِمُونَ ﴿٣١﴾

- 42.** Atau sekiranya Kami (hendak) memperlihatkan kepadamu apa yang Kami janjikan kepada mereka (daripada azab)⁽¹⁾, maka Kami tetap berkuasa terhadap mereka.
- 43.** Maka berpeganglah kepada al-Quran yang telah diwahyukan kepadamu kerana sesungguhnya engkau berada di jalan yang lurus.
- 44.** Dan sesungguhnya al-Quran itu suatu peringatan kepadamu (wahai Muhammad) dan kepada kaummu dan kelak kamu semua akan disoal.
- 45.** Dan bertanyalah kepada umat para rasul yang Kami utuskan sebelummu. Pernahkah Kami menetapkan sebarang tuhan untuk disembah, selain daripada Allah Yang Maha Pemurah?
- 46.** Sesungguhnya Kami telah mengutuskan Musa dengan mukjizat Kami kepada Firaun dan kaumnya, lalu dia berkata: «Sesungguhnya aku adalah rasul daripada Tuhan semesta alam».
- 47.** Maka apabila dia datang kepada mereka dengan mukjizat-mukjizat Kami, mereka dengan serta-merta mentertawakannya.
- 48.** Dan Kami tidak memperlihatkan suatu mukjizat kepada mereka kecuali (mukjizat itu) lebih besar daripada mukjizat-mukjizat (yang

أَوْرُبِينَتَكَ الْذِي وَعَدْنَاهُمْ فَإِنَّا عَلَيْهِمْ
مُّقْتَدِرُونَ ﴿٤٦﴾

فَاسْتَمِسِلْ بِالْذِي أُوحِيَ إِلَيْكَ إِنَّكَ عَلَى صَرَاطٍ
مُّسْتَقِيرٍ ﴿٤٧﴾

وَإِنَّهُ لَذِكْرُ لَكَ وَلِقَوْمَكَ وَسَوْفَ تُشَاهِدُونَ ﴿٤٨﴾

وَسَكَلْ مَنْ أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رُسُلِنَا
أَجْعَلْنَا مِنْ دُونِ الرَّحْمَنِ مَمْلَكَةً يَعْبُدُونَ ﴿٤٩﴾

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مُوسَىٰ بِإِيمَانًا إِلَى فِرْعَوْنَ
وَمَلِئَهُ إِيمَانًا فَقَالَ إِنِّي رَسُولُ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٥٠﴾

فَلَمَّا جَاءَهُمْ بِمَا يَأْتِينَا إِذَا هُمْ مِنْهَا يَضْحَكُونَ ﴿٥١﴾

وَمَا نُرِيدُ مِنْ إِيمَانِ إِلَّا إِيمَانَ أَكْبَرِ مِنْ
أَخْتِهَا وَأَخْدِنَاهُمْ بِالْعَذَابِ لَعَلَّهُمْ
يَرْجِعُونَ ﴿٥٢﴾

1 Kemenangan Nabi Muhammad Sallallahu ‘alaihi wasallam dan kehancuran kaum musyrik.

sebelumnya). Dan Kami timpakan kepada mereka dengan azab⁽¹⁾, semoga mereka kembali (ke jalan yang benar).

- 49.** Dan (apabila bencana itu menimpa mereka), mereka merayu kepada Musa dengan berkata: «Wahai ahli sihir, berdoalah kepada Tuhanmu untuk keselamatan kami dengan (kemuliaan) pangkat nabi yang diberikan kepadamu, sesungguhnya kami akan menjadi orang yang mendapat hidayah».
- 50.** Setelah Kami hapuskan azab itu daripada mereka, mereka terus memungkiri janjinya.
- 51.** Dan Firaun pula menyeru kepada kaumnya, katanya: «Wahai kaumku! Bukankah kerajaan negeri Mesir ini milikku, dan sungai-sungai ini mengalir di bawah (istana) ku? Tidakkah kamu melihatnya?
- 52.** «Bahkan aku lebih baik daripada (Musa) yang hina ini, dan yang hampir tidak dapat menjelaskan perkataannya.
- 53.** «(Jika benar dia seorang rasul) maka mengapa tidak dipakaikan kepadanya gelang emas (yang menandakan dia seorang pemimpin), atau datang para

وَقَالُوا يَا إِيَّاهُ الْسَّابِرُ أَدْعُ لِنَسَارِتَكَ بِمَا عَاهَدَ
عِنْدَكَ إِنَّا مُهَتَّدُونَ ﴿٤٩﴾

فَلَمَّا كَانَ شَفَاعَنَّهُمْ أَعْذَابٌ إِذَا هُمْ
يَنْكُثُونَ ﴿٥٠﴾

وَنَادَى فِرْعَوْنُ فِي قَوْمِهِ قَالَ يَقُولُ أَلِيَّسْ لِي
مُلْكُ مَصْرَ وَهَذِهِ الْأَنْهَرُ تَجْرِي مِنْ
تَحْتِي أَفَلَا بُجُورُونَ ﴿٥١﴾

أَمْ أَنَا خَيْرٌ مِنْ هَذَا الَّذِي هُوَ مَهِينٌ
وَلَا يَكْدِيْنُ ﴿٥٢﴾

فَلَوْلَا أَلْقَى عَلَيْهِ أَسْوَرَةً مِنْ ذَهَبٍ أَوْ جَاءَهُ
مَعَهُ الْمَلَائِكَةُ مُقْرَبَيْنَ ﴿٥٣﴾

1 Azab di sini ialah azab duniaawi sebagai ujian dari Allah, seperti kekurangan makanan, jangkitan hama tumbuh-tumbuhan dan lain-lain.

malaikat bersamanya untuk mengiringinya.⁽¹⁾

- 54.** Maka Firaun memperbodohkan kaumnya, lalu mereka mentaatinya. Sesungguhnya mereka itu adalah kaum yang fasiq.
- 55.** Maka ketika mereka menyebabkan Kami murka, Kami seksa mereka, lalu Kami tenggelamkan mereka semuanya (di laut).
- 56.** Maka Kami jadikan mereka sebagai contoh dan pengajaran bagi orang yang kemudian.
- 57.** Dan ketika (Isa) putera Maryam dijadikan perumpamaan, (untuk membantahmu wahai Muhammad), tiba-tiba kaummu bersorak kerananya.⁽²⁾
- 58.** Dan mereka berkata lagi: «Manakah yang lebih baik, apa yang kami sembah atau Isa?» Dan mereka tidak mengemukakan perbandingan itu kepadamu

فَاسْتَحْفَ قَوْمَهُ وَفَأَطَاعُوهُ إِنَّهُمْ
كَانُوا قَوْمًا فَسِيقِينَ

فَلَمَّا آتَيْنَاهُمْ مَا أَنْتَقَمْنَا مِنْهُمْ فَأَعْرَقُهُمْ
أَجْمَعِينَ

فَجَعَلْنَاهُمْ سَلَفَوَمَثَلًا لِّلْآخَرِينَ

*وَلَمَّا ضَرَبَ ابْنُ مَرْيَمَ مَثَلًا إِذَا قَوْمًا
مِنْهُ يَصْدُونَ

وَقَالُوا إِنَّهُمْ تَخَيَّرُوا أَمْ هُوَ مَاضِرٌ بُوْهُ لَدُكَ
إِلَّا جَدَلَّ أَبْلَهُ فَوْهُ خَصْمُونَ

- 1 Allah tidak memakaikan gelang emas kepada Musa a.s kerana kebiasaan mereka, bila seseorang diangkat menjadi pemimpin, mereka memakaikan gelang dan kalung emas sebagai tanda kebesaran.
- 2 Ayat 57 dan 58 menceritakan ketika Rasulullah s.a.w membaca surah al-Anbiya' ayat 98 yang ertiannya: "Sesungguhnya kamu dan apa yang kamu sembah selain Allah adalah kayu bakar Jahannam". Maka Abdullah bin az-Zab'ari at-Tamimi bertanya: "Apakah Isa juga akan menjadi kayu bakar neraka Jahannam seperti berhala-berhala mereka?" Rasulullah terdiam dan mereka mentertawakannya. Lalu menanyakan lagi, mana yang lebih baik antara berhala-berhala mereka atau Nabi Isa a.s. Pertanyaan mereka ini hanya mencari perselisihan bukan mencari kebenaran. Jalan fikiran mereka adalah kesalahan yang besar. Nabi Isa a.s tidak mengetahui bahawa beliau disembah dan tidak pula rela dijadikan sembah.

(wahai Muhammad) kecuali untuk membantah, bahkan mereka itu adalah kaum yang suka bertelingkah.⁽¹⁾

59. Isa itu hanyalah seorang hamba yang Kami telah kurniakan nikmat kepadanya (dengan pangkat kenabian), dan Kami jadikan dia sebagai contoh bagi kaum bani Israel.
60. Dan jika Kami menghendaki, pasti Kami berkuasa menjadikan para malaikat menggantikan kamu (menjalankan urusan) di muka bumi.
61. Dan sesungguhnya Isa menjadi tanda kebenaran hari kiamat, maka janganlah kamu ragu-ragu tentangnya (hari kiamat) itu dan ikutlah aku. Inilah jalan yang lurus.
62. Dan janganlah syaitan menghalang kamu (dari jalan yang benar). Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagi kamu.
63. Dan ketika Isa datang (kepada kaumnya) dengan membawa bukti yang nyata, dia berkata: «Sesungguhnya aku datang kepada kamu dengan membawa hikmah⁽²⁾ (ajaran Tuhan) dan untuk menerangkan kepada kamu sebahagian daripada (perkara

إِنْ هُوَ إِلَّا بَعْدُ أَعْمَلْنَا عَلَيْهِ وَجَعَلْنَاهُ مَثَلًا لِّبَيْنِ اسْرَائِيلَ

وَلَوْ شَاءْ لَجَعَلْنَا مِنْكُمْ مَلِكًا كَمَا فِي الْأَرْضِ
يَخْلُقُونَ

وَإِنَّهُ لِعَلِمٌ بِالْمُسَاعَةِ فَلَا تَمْرُنَ بِهَا
وَأَتَيْعُونَ هَذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ

وَلَا يَصِدَّنَكُمُ الشَّيْطَانُ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ
مُّبِينٌ

وَلَمَّا جَاءَهُ عِيسَى بِالْبَيِّنَاتِ قَالَ فَقَرِبُوكُمْ
بِالْحُكْمَةِ وَلَا يُبْلِيَنَ لَكُمْ بَعْضُ الَّذِي تَخْتَلِفُونَ
فِيهِ فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُونِي

1 Ayat ini menegaskan pandangan Islam terhadap kedudukan Nabi Isa a.s.

2 Hikmah di sini ialah kenabian, Injil dan hukum.

agama) yang kamu bertelingkah tentangnya. Maka bertakwalah kepada Allah dan taatlah kepadaku.

64. «Sesungguhnya Allah, Dialah Tuhanmu dan Tuhan kamu, maka sembahlah Dia. Inilah jalan yang lurus».
65. Maka golongan yang ada saling bertelingkah sesama mereka. Maka kecelakaanlah bagi orang yang zalim itu lantaran azab pada hari yang sangat pedih.
66. Tiada lagi yang mereka tunggu kecuali hari kiamat yang akan datang kepada mereka secara mengejut sedangkan mereka tidak menyedari.
67. Teman-teman karib pada hari itu saling bermusuhan antara satu sama lain, kecuali orang yang bertakwa.
68. «Wahai hamba-hambaKu! Pada hari ini kamu tidak akan merasai ketakutan dan kamu pula tidak akan bersedih».
69. (Mereka itu ialah) orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami, serta mereka adalah orang yang berserah diri.
70. Masuklah ke dalam syurga, kamu dan pasangan kamu akan digembirakan.
71. Diedarkan kepada mereka piring besar dan gelas daripada emas.

إِنَّ اللَّهَ هُوَ رَبُّنَا وَرَبُّ كُلِّ فَاعْبُدُوهُ هَذَا
صَرْطُ مُسْتَقِيمٍ ﴿٦٤﴾

فَأَخْتَلَفَ الْأَحَرَابُ مِنْ بَيْنِهِمْ لِلْوَيْلِ
لِلَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْ عَذَابٍ يَوْمَ الْآيَمِ ﴿٦٥﴾

هَلْ يَنْظُرُونَ إِلَى اللَّسَاعَةِ أَنَّ تَأْتِيهِمْ
بَعْثَةً وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿٦٦﴾

الْأَكْلَاهُمْ يَوْمَ يُنْبَعِضُ هُمْ لَيَعْصِي عَدُوِّ الْأَ
مُتَّقِينَ ﴿٦٧﴾

يَعْبَادُ لِلْخَوْفِ عَيْنُكُمْ أَيُّوْمَ وَلَا أَنْشُرُ
تَحْزِينُونَ ﴿٦٨﴾

الَّذِينَ أَمْنُوا بِعِيَاتِنَا وَكَانُوا
مُسْلِمِينَ ﴿٦٩﴾

أَدْخِلُوا الْجَنَّةَ نُسُجَ وَأَزْوَاجُكُمُ الْخَبُورُونَ ﴿٧٠﴾

يُطَافُ عَلَيْهِمْ بِصَحَافٍ مِنْ ذَهَبٍ وَأَلْوَابٍ

Di dalamnya pula disediakan apa yang dikehendaki oleh nafsu serta dipandang indah oleh mata, dan kamu kekal di dalamnya.

وَفِيهَا مَا شَتَّهَ يَدُ الْأَنْفُسِ وَتَلَكَ
الْأَعْيُنُ ۖ وَأَشْعُرَ فِيهَا حَلِيلُوْرَةَ ﴿٧٦﴾

72. Dan (dikatakan lagi kepada mereka): «Itulah syurga yang diwariskan kepada kamu, disebabkan apa yang kamu telah lakukan».
73. «Kamu beroleh di dalamnya pelbagai jenis buah-buahan, untuk kamu makan daripadanya».
74. Sesungguhnya orang yang berdosa itu kekal selama-lamanya di dalam azab neraka Jahannam.
75. Tidak diringankan azab itu daripada mereka, dan mereka berputus asa di dalamnya.
76. Dan kami tidak menzalimi mereka, akan tetapi mereka yang menzalimi diri mereka sendiri.
77. Dan mereka menyeru: «Wahai Malik⁽¹⁾! Biarlah Tuhanmu mematikan kami» Malik menjawab: «Sesungguhnya kamu tetap kekal di dalam azab».
78. «Sesungguhnya Kami telah menyampaikan kebenaran kepada kamu (melalui rasul Kami), akan tetapi kebanyakan kamu tidak suka kepada kebenaran itu».
79. Ataukah mereka telah merancangkan suatu tipu daya

وَتَلَكَ أَجْنَحَهُ أَلْقَىٰ أَوْرَتُنُمُوهَا بِمَا كَنْتُمْ
تَعْمَلُونَ ﴿٧٧﴾

لَكُوكِ فِيهَا فِكَهَةٌ كَثِيرَةٌ مِّنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿٧٨﴾

إِنَّ الْمُجْرِمِينَ فِي عَذَابِ جَهَنَّمَ حَلِيلُوْرَةَ ﴿٧٩﴾

لَا يَفْتَرُ عَنْهُو وَهُوَ فِيهِ مُبِيلُوْرَةَ ﴿٨٠﴾

وَمَا أَطْلَمْنَاهُمْ وَلَكِنْ كَانُوا مُؤْمِنُ الظَّالِمِينَ ﴿٨١﴾

وَنَادَوْا يَمِيلَكَ لِيَقْضِي عَلَيْنَا بَكَ قَالَ إِنَّكُمْ
مَّا كُنُونَ ﴿٨٢﴾

لَقَدْ حِنْتَكُمْ بِالْحَقِّ وَلَكِنْ أَشْرَكُتُمْ لِلْحَقِّ
كَهُونَ ﴿٨٣﴾

أَقْأَبَرُمُوا أَمْرًا فَإِنَّا مُبِيرُوْرَةَ ﴿٨٤﴾

1. Malik ialah malaikat penjaga neraka.

(jahat), maka sesungguhnya Kami telah merancang (mengatasi tipu daya mereka).⁽¹⁾

80. Ataukah mereka menyangka bahawa Kami tidak mendengar rahsia dan bisikan-bisikan mereka? Sebenarnya (Kami mendengar) dan para utusan Kami (malaikat) selalu mencatat di sisi mereka.
81. Katakanlah (wahai Muhammad, kepada mereka yang musyrik itu): «Jika benar Allah Yang Maha Pemurah itu mempunyai anak maka akulah orang yang pertama yang akan menyembah anak itu.»
82. Maha Suci Tuhan pemilik langit dan bumi, Tuhan pemilik Arasy daripada apa yang mereka sifatkan itu.
83. Maka, biarkanlah mereka (wahai Muhammad) tenggelam dalam kesesatan mereka dan leka bermain-main (dalam dunia mereka), sehingga mereka menemui hari yang dijanjikan kepada mereka (untuk menerima balasan).
84. Dan (ingatlah), Allah jualah Tuhan yang berhak disembah di langit, dan Dialah Tuhan yang berhak disembah di bumi, dan Dialah Yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui.

أَمْ يَحْسَبُونَ أَنَّا لَا نَسْمَعُ سِرَّهُمْ وَنَجْوَاهُمْ بِيَمِينِ
وَرُسُلُنَا الَّذِيهِمْ يَكْتُبُونَ ﴿٨١﴾

قُلْ إِنْ كَانَ لِلرَّحْمَنِ وَلَدٌ فَإِنَّا أَوَّلُ الْعَابِدِينَ ﴿٨٢﴾

سُبْحَنَ رَبِّ الْسَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبِّ
الْعَرْشِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿٨٣﴾

فَذَرْهُمْ يَخْوُضُوا وَيَلْعَبُوا حَتَّىٰ يُلْقَوُا يَوْمَهُمْ
الَّذِي يُوعَدُونَ ﴿٨٤﴾

وَهُوَ الَّذِي فِي السَّمَاءِ إِلَهٌ وَفِي الْأَرْضِ إِلَهٌ
وَهُوَ الْحَكِيمُ الْعَلِيمُ ﴿٨٥﴾

1 Kaum musyrikin Mekah bukan saja benci kepada kebenaran, bahkan mereka juga telah merancang hendak membunuh Nabi Muhammad s.a.w. Tapi rancangan itu gagal, kerana Allah juga mempunyai rancangan untuk menyelamatkan Nabi Muhammad s.a.w.

- 85.** Dan Maha Suci (Allah) yang memiliki kuasa pemerintahan langit dan bumi dan apa yang ada di antara keduanya. Dan di sisiNyalah ilmu tentang hari kiamat dan hanyalah kepadaNya kamu dikembalikan.
- 86.** Dan orang yang menyeru kepada sesuatu selain Allah, dia tidak akan mendapat syafaat (pertolongan di akhirat) kecuali orang yang mengakui yang hak (tauhid) dan mereka meyakini(nya).⁽¹⁾
- 87.** Dan sesungguhnya jika engkau (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka: «Siapakah yang menciptakan mereka?» Pasti mereka akan menjawab: «Allah». (Jika demikian) Bagaimana mereka dapat dipesongkan (daripada menyembah Allah).
- 88.** (Allah mengetahui) ucapannya (Muhammad): «Ya Tuhanku, sesungguhnya mereka ini adalah kaum yang tidak beriman».
- 89.** Maka berpalinglah daripada mereka dan katakanlah: «Salam (selamat tinggal)». Kelak mereka akan mengetahui (nasib mereka yang buruk).

وَتَسْأَلُكَ الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ
وَمَا بِنَهَمَا وَعَنْدَهُ عِلْمُ أَلْسَانَةِ وَالْيَوْمِ
تُرْجَعُونَ

وَلَا يَمْلِكُ الْبَرِّيَّتَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ
الشَّفَاعَةَ إِلَّا مَنْ شَهَدَ بِالْحَقِّ وَهُمْ
يَعْلَمُونَ

وَلَئِنْ سَأَلْتُهُمْ مَنْ خَلَقَهُمْ لَيَقُولُنَّ اللَّهُ فَالَّذِي
يُؤْفَكُونَ

وَقَلِيلٌ بَرَّبٌ إِنَّ هَؤُلَاءِ قَوْمٌ لَا يُؤْمِنُونَ

فَاصْفَحْ عَنْهُمْ وَقُلْ سَلَامٌ فَسَوْفَ يَعْلَمُونَ

1 Nabi Muhammad s.a.w dan nabi yang lain dapat memberi syafaat setelah diberi keizinan oleh Allah.